



Pengarah/ Dekan/ Ketua Jabatan/ Dr./ Tuan/ Puan,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh/ Salam sejahtera

JEMPUTAN MENYERTAI ‘10th USIM NATIONAL HEALTH SEMINAR (NHS) 2025’, ANJURAN FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN (FPSK), UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM).

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Malaysian Medical Association (MMA) akan menganjurkan “**10th USIM National Health Seminar (NHS)**” 2025 pada **25 September 2025** bertempat di **Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia**. Tema seminar pada kali ini adalah “**Empowering Healthy Ageing: Innovations & Integrative Approaches**”.

3. Sehubungan itu, Fakulti dengan sukacitanya menjemput semua yang berminat untuk menyertai seminar tersebut. Penghantaran kertas penyelidikan dan abstrak untuk dibentangkan pada seminar ini amatlah dialu-alukan. Dimaklumkan juga kertas kerja yang diterima akan diterbitkan dalam *Medical Journal of Malaysia (MJM)* yang merupakan *Scopus Indexed Journal*.

4. Antara pakar yang terlibat sebagai penceramah ialah Dato' Dr Hjh Norsiah Binti Hj Ali (Kementerian Kesihatan Malaysia), Prof Madya Dr Tengku Amatullah Madeehah (USIM), Prof Dr Suzana Shahar (UKM), Prof Emeritus Dato Dr Syed Mohamed Al-Junid (IMU), Assoc. Prof. Dr Hakimah Binti Mohammad Sallehuddin (UPM), Dr Aimy Binti Abdullah (UiTM), Dr Mohamad Faisal Bin Asha'ari (UKM), Prof Madya Dr Mohd Radzniwan A. Rashid (USIM), Dr. Divya A/P Vanoh (USM) dan ramai lagi.

5. Bersama-sama ini dilampirkan salinan brosur untuk perhatian. Pihak Fakulti memohon supaya dapat menyebarkan brosur ini ke jabatan/organisasi. Sebarang keterangan lanjut berkenaan seminar ini, pihak organisasi/ jabatan boleh melayari laman web: <https://www.nhs2025.com.my/>

Perhatian dan kerjasama dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. MADYA DR. NADIA MOHD EFFENDY

Ahli Jawatankuasa NHS2025

admin@NHS2025.com.my